

**KESAN BIMBINGAN KELOMPOK MODUL MARI BERSYUKUR
TERHADAP PENGHARGAAN KENDIRI DALAM
KALANGAN PELAJAR PONTENG**

FARIDAH BINTI DIN

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kesan bimbingan kelompok terhadap penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar ponteng. Kajian ini dijalankan secara eksperimental iaitu melalui ujian pra dan ujian pos ke atas 20 orang pelajar tingkatan empat lelaki Islam daripada sebuah sekolah menengah di dalam daerah Batang Padang yang dipilih secara kombinasi persampelan rawak bertujuan. Berdasarkan soalselidik menggunakan SEI, mereka kemudian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 10 orang yang mendapat min yang paling rendah dijadikan kumpulan rawatan dan yang selebihnya dijadikan kumpulan kawalan (10 orang). Subjek kumpulan rawatan diberikan sepuluh sesi bimbingan kelompok. Bimbingan kelompok ini menggunakan Modul Mari Bersyukur (MMB) yang berlandaskan kepada model bimbingan Pusatan Insan Rogers dan model bimbingan pendekatan al-Ghazali. Kumpulan rawatan telah menerima rawatan menggunakan MMB sementara kumpulan kawalan mengikuti kehidupan seperti biasa. Data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik *Self Esteem Inventory* (SEI) dan data kajian dianalisis menggunakan ujian-t berpasangan dan ujian-t tidak bersandar dengan aras signifikan ditetapkan pada aras .05. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penghargaan sendiri antara ujian pra dan ujian pos terhadap kelompok rawatan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya,

ABSTRACT

This study aims to see the effects of group guidance on the self-esteem of students involved in truancy. This study was carried out experimentally using the pre and post test on twenty form four male Muslim students from a secondary school in the district of Batang Padang, Perak. They were chosen by a combination of simple purposively samplings. They were then divided into two groups, namely, the treatment group (10 students) which the lowest min and the others become a control group (10 students). The subjects in the treatment group was given ten group counseling sessions using the guidance module Let's Be Grateful (MMB) which is based on Rogers Human Centred guidance and al-Ghazali's guidance approach. The treatment group received treatment using the MMB while the control group on the other hand, were not given any treatment. Quantitative data were collected using the Self Esteem Inventory (SEI) questionnaires. Data were analyzed using independent samples t-test and paired samples t-test with significance level set at .05 levels. The findings showed significant differences in self-esteem between the pre and post test of the treatment group. In addition, the results show a significant difference for post test between the treatment group and the control group. The overall, results show that the group counseling approach using the MMB module was effective in enhancing students' self-esteem.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
 BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang kajian	2
1.2 Pendekatan Teori	7
1.2.1 Teori Penghargaan Kendiri Maslow	8
1.2.2 Pendekatan Pusatan Insan	11
1.2.3 Pendekatan Al-Ghazali	13
1.2.4 Penggabungan Maslow, Rogers dan Al-Ghazali	18
1.3 Penyataan Masalah	20
1.4 Tujuan Kajian	25
1.4.1 Tujuan Umum	25
1.4.2 Tujuan Khusus	25

1.5 Objektif Kajian	26
1.6 Persoalan Kajian	28
1.7 Kesignifikanan Kajian	32
1.8 Definisi Konsep	34
1.8.1 Bimbingan Kelompok	34
1.8.2 Penghargaan Kendiri	36
1.8.3 Pelajar Ponteng	38
1.9 Definisi Operasi	43
1.9.1 Bimbingan Kelompok MMB	43
1.9.2 Sinopsis MMB	44
1.9.3 Penghargaan Kendiri	46
1.9.4 Pelajar Ponteng	46
1.10 Limitasi Kajian	47
1.11 Hipotesis Kajian	49
1.12 Rumusan	53

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	52
2.1 Kajian Luar Negara	53
2.2 Kajian Tempatan	56
2.3 Rumusan	63

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	65
3.1	Reka Bentuk Kajian	66
3.2	Tempat Kajian	67
3.3	Subjek Kajian	68
3.3.1	Populasi Kajian	68
3.3.2	Sampel Kajian	70
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.5	Instrumen Kajian	75
3.5.1	Borang Maklumat Peribadi	75
3.5.2	Self Esteem Index	76
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	77
3.7	Kesahan Kandungan Modul Mari Bersyukur	79
3.8	Analisis Item	83
3.9	Kajian Rintis	90
3.10	Prosedur Menjalankan Kajian	91
3.11	Penganalisaan Data Statistik	92
3.12	Pengujian Hipotesis	93
3.13	Rangka Rawatan Intervensi	95
3.14	Tahap Perkembangan Dalam Proses Kelompok	96
3.15	Matlamat dan Prosedur Kelompok Kawalan	96
3.16	Rumusan	97

	Keselamatan Diri	120
5.3	Implikasi	121
5.3.1	Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan	
	Bimbingan dan Kaunseling	123
5.3.2	Implikasi Terhadap Pihak Sekolah dan Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah	123
5.3.3	Implikasi Terhadap Ibu Bapa dan Masyarakat	124
5.4	Masalah Dalam Menjalankan Penyelidikan	125
5.5	Saranan dan Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang	128
5.6	Rumusan dan Penutup	130
	RUJUKAN	132
	LAMPIRAN	

LAMPIRAN

- L-1 Surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dari Kementerian Pelajaran Malaysia**
- L-2 Surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dari Jabatan Pelajaran Negeri Perak**
- L-3 Surat kebenaran menjalankan penyelidikan dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris**
- L-4 Analisis data bagi hipotesis kajian**
- L-5 Surat persetujuan pelajar mengikuti Bimbingan Kelompok**
- L-6 Lampiran Modul Bimbingan Kelompok
(Modul Mari Bersyukur)**
- L-7 Penilaian kesahan oleh lima orang pakar
(Modul Mari Bersyukur)**
- L-8 Soal selidik (alat kajian)**

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Tindakan yang Dikenakan kepada Pelajar Ponteng	40
3.1 Reka Bentuk Kajian Eksperimen Ujian Pra dan Ujian Pos	67
3.2 Keputusan Analisis Deskriptif Menunjukkan Perbezaan Min Penghargaan Kendiri Umum Bagi Ujian Pra Subjek Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	72
3.3 Sub Konstruk <i>Self Esteem Index</i> (SEI)	77
3.4 Soal Selidik Kesahan Kandungan MMB	80
3.5 Pandangan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan MMB	81
3.6 Nilai Kesahan Item (SEI)	83
3.7 Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Keluarga	84
3.8 Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Sekolah	85
3.9 Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya	87
3.10 Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Keselamatan	88
3.11 Pengujian Hipotesis	93
4.1 Data demografi subjek kajian	99
4.2 Ujian- <i>t</i> Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Umum Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	101

4.3	Ujian- <i>t</i> Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Umum Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	102
4.4	Ujian- <i>t</i> Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Keluarga Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	103
4.5	Ujian- <i>t</i> Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Keluarga Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	104
4.6	Ujian- <i>t</i> Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	106
4.7	Ujian- <i>t</i> Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	107
4.8	Ujian- <i>t</i> Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Sekolah Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	109
4.9	Ujian- <i>t</i> Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Sekolah Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	110
4.10	Ujian- <i>t</i> Sampel Tidak Bersandar Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Keselamatan Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	111
4.11	Ujian- <i>t</i> Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Ujian Pos Penghargaan Kendiri Keselamatan Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	112

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Tingkat Keperluan Maslow	9
1.2 Manusia Menurut al-Ghazali	14
1.3 Gabungan 3 teori yang mendasari model MMB	19
3.1 Carta aliran persampelan subjek eksperimen, tatacara rawatan dan pengumpulan data subjek kajian	73
3.2 Kaedah pengumpulan data	74

SENARAI SINGKATAN

SEI	Self Esteem Index
MMB	Modul Mari Bersyukur
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
IPRM	Institut Perguruan Raja Melewar
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Packages for Social Science
n	kekerapan
SP	Sisihan Piawai

BAB SATU

Pengenalan

1.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan membincangkan tentang perkara-perkara yang khusus meliputi latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi pemboleh ubah kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan perlu sejajar dengan cabaran Wawasan 2020 yang bertujuan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya. Ini bermakna, sesebuah negara yang ingin maju memerlukan sistem pendidikan yang berkualiti. Kualiti ini tidak boleh dilihat dari perspektif akademik sahaja tetapi juga memfokus terhadap melahirkan pelajar yang mempunyai nilai-nilai moral dan disiplin yang tinggi.

Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang mempunyai tanggungjawab yang amat penting dalam melahirkan warga pelajar yang berhemah dan berdisiplin. Namun begitu, harapan untuk melahirkan warga pelajar yang berhemah dan berdisiplin semakin sukar memandangkan bilangan kes salah laku yang dilakukan oleh pelajar semakin meningkat. Antara jenis masalah disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar adalah ponteng, terlibat dalam aktiviti tingkah laku jenayah, perbuatan lucah, tiada kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan, tingkah laku musnah, tidak jujur dan buli (Srihanasham, 2008).

Menurut Syuhada (2008), yang merujuk kepada statistik yang dilaporkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 2007, daripada lapan jenis salah laku disiplin, ponteng berada di tangga kedua terbanyak selepas kurang sopan, diikuti berunsur jenayah, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, laku musnah dan berunsur kelucahan. Berdasarkan rekod KPM tersebut, pada tahun 2006 menunjukkan 21,060 orang pelajar (0.39%) dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 orang pelajar (0.46%) pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2005. Walaupun terdapat penurunan kes ponteng sekolah, namun realitinya masih menunjukkan bahawa masalah ponteng

dalam kalangan pelajar masih berada di tahap yang membimbangkan dan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh sekolah di negara ini.

Menurut Ibrahim (2009), banyak kajian berkaitan masalah ponteng dalam kalangan pelajar telah dijalankan. Pelbagai kaedah dan strategi telah dicuba, dikaji dan diguna bagi membendung dan memodifikasi tingkah laku ponteng ini oleh pihak yang bertanggungjawab termasuklah untuk meningkatkan penghargaan sendiri dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah modifikasi tingkah laku, pendekatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok, lawatan ke rumah, pendidikan keibubapaan dan sebagainya. Bagaimanapun, masalah disiplin masih belum dapat dicegah sepenuhnya hingga membimbangkan kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Akibat pelajar ponteng bukan sahaja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi termasuk terbahit dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, mengambil minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa setiap sekolah mempunyai pelajar bermasalah dan tidak berdisiplin. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan seperti ini berlaku adalah disebabkan oleh keadaan remaja yang terdedah kepada pelbagai pengaruh baru, ketidakfungsian ibu bapa, kurang atau tiada ajaran agama, dan nilai hidup serta penghargaan sendiri yang rendah.

Penghargaan sendiri merupakan satu daripada beberapa konsep yang diperolehi daripada dimensi konsep sendiri. Arthur (1994), menyatakan bahawa kaunseling yang berkesan akan meningkatkan penghargaan sendiri seseorang pelajar di mana seseorang

pelajar mendapat pelbagai pilihan bagi memajukan diri dalam akademik dan membetulkan disiplin.

Menurut Marzita (2003), terdapat pelbagai punca wujudnya masalah disiplin. Salah satu puncanya adalah disebabkan oleh penghargaan diri yang rendah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh itu, guru-guru haruslah mengenalpasti tahap penghargaan diri pelajar. Guru haruslah menggunakan pendekatan sendiri iaitu merangsang pelajar menangani masalah yang mereka hadapi secara bersungguh-sungguh. Menurut beliau, perubahan positif diri pelajar dari segi tingkah laku dan minat terhadap pelajaran didorong oleh rasa puas hati pelajar lantaran keperluan diri dari segi keperluan asas dan penghargaan sendiri telah dipenuhi. Maka mereka merasa diri mereka lebih dihargai.

Norzana (2003), telah menjalankan kajian tentang masalah ponteng dalam kalangan pelajar perempuan. Hasil kajian mendapati faktor utama pelajar ponteng sekolah adalah disebabkan oleh faktor diri pelajar sendiri. Sering dikatakan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng mempunyai penghargaan sendiri yang rendah seperti tidak mempunyai cita-cita dan tiada keyakinan diri. Pelajar dikatakan tidak berminat datang ke sekolah kerana malas belajar. Ditambah pula tiada kemahiran belajar di samping tidak mempunyai dorongan dan motivasi dalam pelajaran.

Andrian dan Javier (2001), menyatakan jika seseorang anak itu tidak mempunyai hubungan yang selamat dengan ibubapanya, ini menyebabkan beberapa keperluan anak mereka tidak dipenuhi. Keperluan ini termasuklah keperluan dimiliki, keselamatan, kasih sayang dan harga diri. Anak-anak yang mempunyai keperluan yang tidak dipenuhi akan hilang minatnya terhadap pelajaran dan kesannya ponteng sekolah

akan berlaku. Apatah lagi ibu bapa yang bermasalah sukar menunjukkan tanggungjawab terhadap anak-anaknya.

Menurut beliau lagi, hubungan yang renggang ini menyebabkan seseorang pelajar itu dikatakan akan mencari rakan yang senasib dengannya. Di sinilah, peranan rakan sebaya amat berpengaruh walaupun ibu bapa masih memainkan peranan yang penting. Untuk memenuhi keperluan seperti rasa dimiliki dan kasih sayang, mereka akan mula bergaul dengan pelajar yang mengalami masalah yang sama. Golongan ini akan menghabiskan banyak masa bersama di luar waktu persekolahan dengan perkara-perkara yang lebih menyeronokkan mereka.

Rohani (2007) pula menyatakan, pelajar yang terlibat dalam masalah ponteng mempunyai latar belakang keluarga yang tidak harmonis dan sering menghadapi krisis dalam rumah tangga. Timbulnya masalah ponteng adalah disebabkan kurangnya kawalan, pengawasan dan perhatian ibu bapa terhadap anak-anak. Keadaan menyebabkan pelajar merasakan diri mereka tidak dihargai dan tidak diperlukan. Kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa ini boleh memberi tekanan emosi menyebabkan mereka hilang minat untuk datang ke sekolah. Ada juga di antara pelajar yang ponteng ini disebabkan oleh tekanan untuk memenuhi aspirasi ibu bapa yang terlalu tinggi di luar keupayaan mereka.

Menurut Reid (1985), apabila tujuan utama pelajar datang ke sekolah untuk menimba ilmu tidak dipenuhi, minat mereka terhadap sekolah akan hilang. Pelajar juga mengambil keputusan untuk ponteng kerana mereka takut didenda kerana tidak sempat menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Terdapat juga pelajar yang lewat

ke sekolah dan mengambil keputusan untuk ponteng kerana takut didenda atas kesalahan mereka itu.

Secara ringkasnya, penghargaan sendiri merujuk kepada cara bagaimana seseorang itu menilai dirinya sendiri sama ada dari aspek positif atau negatif. Kajian yang dijalankan oleh Khor (2002), mendapati tahap penghargaan sendiri remaja lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan akan tetapi terdapat perhubungan yang signifikan antara orientasi lokus kawalan dengan penghargaan sendiri dan perhubungan antara status ekonomi dengan penghargaan sendiri. Menurut Maarof Redzuan (2001), penghargaan sendiri adalah satu penilaian keseluruhan secara umum terhadap diri sendiri. Kebanyakan individu yang melihat dirinya secara positif mampu menghadapi kehidupan yang lebih mencabar berbanding dengan individu yang melihat dirinya secara negatif sering menghadapi pelbagai konflik yang akhirnya mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri.

Terdapat pelbagai kaedah atau cara untuk membantu pelajar yang bermasalah tingkah laku ponteng ini. Salah satu kaedah yang biasa digunakan ialah bimbingan kelompok. Bimbingan kelompok adalah merupakan satu intervensi yang sesuai dalam mengenal pasti keperluan pelajar. Shertzer dan Stone (1971) menyatakan, bimbingan sebagai satu proses menolong individu untuk memahami dirinya dan alam sekelilingnya. Proses ini menunjukkan satu usaha yang berterusan dan melibatkan banyak langkah dalam mencapai matlamatnya.

Siti Khazimah (2000), Lum (2002) dan Munawara (2008) telah membuktikan kaunseling kelompok berjaya meningkatkan penghargaan sendiri para peserta kajian.

Salmiah, Rusnani dan Asmah (2005), pula mencadangkan agar aktiviti kelompok

bimbingan meliputi bimbingan peningkatan penghargaan sendiri dan pencapaian akademik pelajar dapat dipertingkatkan.

Menurut Crow dan Crow (1983) pula, bimbingan kelompok dilihat mempunyai kesan dalam meningkatkan penghargaan sendiri pelajar. Darjah pencapaian seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan. Sehubungan itu, kekuatan penghargaan sendiri perlu dikenalpasti supaya sesuatu boleh dilakukan bagi mengembangkan mana-mana yang baik terhadap pelajar khususnya dan sekolah amnya.

Menyedari hakikat ini, kaedah bimbingan kelompok yang memfokuskan kepada pendekatan Islam iaitu meningkatkan penghargaan sendiri melalui rasa bersyukur dalam kalangan pelajar, dilihat mampu membantu kelompok pelajar ini. Hal ini kerana, bimbingan kelompok seumpama ini beserta modul yang dibina khas untuk kajian ini lebih efektif terhadap masalah ponteng dalam kalangan pelajar. Modul yang digunakan bukan sahaja bertepatan dengan tujuan kajian malah juga telah disahkan oleh lima (5) orang pakar dalam bidang ini. Pemilihan tema bersyukur ini adalah berasaskan kepada andaian bahawa sifat bersyukur adalah tunjang kepada pembinaan penghargaan sendiri seseorang (Ibrahim, 2009).

1.2 PENDEKATAN TEORI

Kepelbagaian teori kaunseling yang wujud telah mendorong penyelidik untuk memilih

tiga pendekatan dalam usaha melihat keberkesanan rawatan bimbingan kelompok ke


atas tahap penghargaan sendiri. Perkara yang dipentingkan dalam pendekatan ialah teknik yang boleh digunakan dalam konteks kaunseling (Hassan 1993: 2-3). Dalam kajian ini terdapat tiga teori atau pendekatan yang mendasari kajian ini iaitu teori penghargaan sendiri Abraham Maslow, pendekatan Pusatan-Insan yang dipelopori oleh Carl Rogers dan pendekatan Al Ghazali.

1.2.1 Teori Penghargaan Kendiri Abraham Maslow

Penyelidik memilih teori ini sebagai sumber rujukan dalam melihat penghargaan sendiri individu. Maslow (1970), menyatakan motivasi wujud disebabkan oleh keperluan- keperluan yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu keperluan-keperluan fisiologi dan keperluan-keperluan psikologi. Keperluan fisiologi merangkumi keperluan untuk makan, minum, oksigen, pembuangan bahan kotor, rehat, tidur dan kejantinaan manakala keperluan-keperluan psikologi merangkumi keperluan untuk keselamatan, kasih sayang, harga diri dan kebenaran diri. Kesemua keperluan ini diletakkan dalam satu hirarki mengikut urutan kekuatan motivasi.

Sebenarnya keperluan mengetahui dan estetik tidak termasuk dalam hirarki asal dan dua kategori telah ditambah kemudian. Keperluan yang paling asas ialah keperluan fisiologi yang merupakan keperluan yang paling rendah. Keperluan yang paling tinggi ialah kesempurnaan sendiri.

Rajah 1.1
Tingkat Keperluan Maslow
(Maslow, 1970)



Berdasarkan rajah di atas, setiap individu perlu melalui tahap-tahap keperluan ini. Menurut Maslow (1970), keperluan yang paling rendah (fisiologi) harus dipenuhi sebelum seseorang individu memikirkan tahap yang kedua iaitu keperluan psikologi. Keperluan di peringkat kedua tidak akan wujud jika keperluan di peringkat satu tidak mencapai tahap kesempurnaan. Hirarki keperluan sebagai suatu susunan keperluan-keperluan dalaman daripada yang kuat kepada yang lemah yang mana ia boleh menggerakkan serta mengarah sesuatu tingkah laku. Lebih rendah sesuatu keperluan dalam hirarki, lebih kuat kekuatannya. Kepuasan memenuhi keperluan di peringkat tinggi akan membawa erti yang mendalam kepada diri individu tersebut, seperti kegembiraan yang tidak terhingga di samping mencapai ketenangan jiwa.

kajian yang dibuat berkenaan harga diri terutamanya dalam menilai tingkah laku dan

sikap diri sendiri, jelas kelihatan manusia menilai diri sendiri dengan membahagikannya kepada beberapa aspek.

1.2.2 Pendekatan Pusatan-Insan (Person-Centered)

Teori yang diasaskan oleh Rogers (1951) ini adalah teori psikologi humanistik dan merupakan satu teori yang amat meluas digunakan dalam pelbagai bidang dan kepada pelbagai jenis klien (Paulus, 2000). Menurut perspektif pusatan-insan, sememangnya manusia dilahirkan dengan segala macam potensi untuk berkembang dan mencapai kesempurnaan sendiri ataupun lebih dikenali dengan kesempurnaan sendiri (*self-actualization*). Sabariah (2005) merumuskan teori sendiri Carl Rogers yang menyatakan bahawa manusia mempunyai kecenderungan semulajadi ke arah kesempurnaan. Semua manusia secara fitrahnya adalah baik, positif, boleh dipercayai dan mampu mengendalikan kehidupannya sendiri. Masalah akan timbul apabila perkembangan semulajadi manusia ini terhalang. Menurut Rogers, halangan ini sebenarnya dilakukan oleh manusia itu sendiri apabila mereka bertindak laku dengan cara yang tidak sesuai dengan jati diri mereka untuk tujuan mendapatkan respons positif dari orang lain. Oleh itu respons positif sangat penting dalam hubungan untuk membantu perkembangan manusia.

Rogers (1987) mendapati, seseorang individu menilai pengalamannya dengan konsep sendiri. Seseorang individu mahu bertindak laku yang seiring dengan imej kendirinya. Pengalaman dan perasaan yang tidak seiring akan menggugat dirinya dan